

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1991/92

Mac/April 1992

HIA 101 Pengantar Islam

Masa: [3 jam]

Kertas peperiksaan ini mengandungi LIMA [5] soalan dalam TIGA [3] muka surat.

Jawab EMPAT [4] soalan. SOALAN NO. 1 WAJIB dijawab dan TIGA [3] soalan yang lain.

Setiap jawapan mestilah disokong oleh dalil-dalil yang jelas daripada al-Qur'an dan al-Hadith.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Aqidah Islam adalah bertunjangkan al-Qur'an dan al-Hadith. Sesuatu kepercayaan yang tersimpang dari kedua-dua sumber utama ini mengakibatkan berlakunya kerosakan aqidah. Bagaimanapun Rasul Allah s.a.w. pernah bersabda maksudnya:

"Demi Tuhan yang jiwa Muhammad dalam genggaman-Nya, sesungguhnya akan berpecah umatku kepada 73 golongan, maka satu golongan masuk syurga dan 72 golongan masuk neraka'. Bertanya para sahabat: 'Siapakah golongan (yang tidak masuk neraka) itu wahai Rasul Allah?' Baginda menjawab: Ahli Sunnah wa al-Jama'ah' (Hadith riwayat imam al-Tirmidhi)."

Berdasarkan pernyataan di atas bincangkan dua [2] daripada perkara-perkara berikut:

- (a) Siapakah golongan Ahli Sunnah wa al-Jama'ah? Apakah perbezaan pokok yang terdapat di dalam Madhhab Aqidah Ali Sunnah wa al-Jama'ah dengan madhhab-madhhab aqidah Shi'ah, Mu'tazilah, Murjiah dan Jabariah?

- (b) Bagaimana iratnya jalinan antara iman dan Islam dalam konsep rukun Iman dan rukum Islam?
- (c) Aqidah Islam adalah asas kepada Din al-Islam, apakah konsep al-Din di lihat dari sudut ta'rifnya yang berbeza-beza berdasarkan perbezaan ayat-ayat al-Qur'an tentang maksud al-Din.
2. Al-Qur'an dan al-Sunnah merupakan dua sumber utama di dalam perundangan Islam. Hubungan antara keduanya adalah amat penting. Berdasarkan pernyataan ini bincangkan tiga perkara berikut:
- (a) Hikmah al-Qur'an di turunkan secara beransur-ansur dan bilakah proses pembukuannya dilaksanakan dengan sempurna.
- (b) Di peringkat awal Rasul Allah s.a.w. sahaja yang diberi mandat untuk mentafsirkan seluruh isi al-Qur'an. Kenapa tugas sedemikian tidak diberikan kepada para sahabat baginda untuk turut serta berperanan seperti Rasul Allah sendiri.
- (c) Apakah fungsi al-Sunnah dan hubungannya dengan al-Qur'an.
3. Institusi keluarga Islam di bina atas dasar Iman. Rasul Allah s.a.w. sendiri menggalakkan perkahwinan apabila syarat-syarat perkahwinan itu dapat dipenuhi. Berdasarkan ini bincangkan dua [2] daripada perkara-perkara berikut:
- (a) Tiga matlamat pokok di dalam institusi perkahwinan.
- (b) Hak dan kewajipan suami isteri yang telah ditetapkan oleh al-Qur'an dan al-Sunnah.
- (c) Kebaikan budi pekerti atau beragama menjadi syarat di dalam pemilihan bakal isteri atau suami.
4. Salah satu aspek syari'ah yang penting ialah aspek Jenayah. Islam telah menetapkan hak-hak individu dan masyarakat yang mesti diperlihara. Terdapat tiga jenayah hudud yang sangat diambil berat oleh Islam iaitu; jenayah bunuh, Zina dan Murtad. Bincangkan beberapa perkara berikut berdasarkan tiga aspek jenayah yang tersebut.
- (a) Ta'rif jenayah bunuh, Zina dan Murtad menurut para fuqaha'.

- (b) Perbezaan hukuman antara jenayah bunuh, Zina dan Murtad.
 - (c) Perbezaan antara qisas, diah dan hudud.
5. Ibadah sembahyang dan zakat sering disebut oleh al-Qur'an secara serentak. Kedua-duanya memiliki keistimewaan dari sudut sosial. Bincangkan kedua-dua ibadah ini dalam kontek di mana kedua-duanya mempunyai persamaan fungsi.

/

-oooooooo-